

## 16/05/2017 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perdana Menteri 2016

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**Yang Berbahagia Tan Sri Othman bin Haji Mahmood**

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di bawah JPM;

Yang dihormati dan diraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPM bagi tahun 2016;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun di Majlis Perasmian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2016.
2. Saya difahamkan seramai **1,070 orang** warga cemerlang Jabatan Perdana Menteri daripada **79 Jabatan/Agensi/Bahagian** yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun 2016. Syabas diucapkan.
3. Sekalung **penghargaan saya ucapkan kepada Bahagian Inovasi dan Pengurusan Sumber Manusia, JPM** selaku urus setia kerana menjayakan majlis pada hari ini.

## **PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. **Kerajaan sentiasa menghargai** dan mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh penjawat awam. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang seumpama ini bertujuan menggalakkan penjawat awam untuk terus memberikan komitmen dan daya usaha dalam **mempertingkatkan mutu kerja dan produktiviti** diri mereka. Pengiktirafan ini juga dapat mewujudkan persaingan yang sihat dalam membuktikan keupayaan diri masing-masing dan secara tidak langsung akan memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik.
5. Sebagaimana tahun-tahun lepas juga, **Sijil Penghargaan JPM 2016** juga akan disampaikan kepada mereka yang layak. Jabatan Perdana Menteri merupakan antara Kementerian yang turut memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai kontrak yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang serta komitmen yang tinggi di samping memberikan sumbangan yang signifikan kepada Jabatan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua penerima anugerah ini.
6. Saya difahamkan, pada tahun ini, seorang penerima terbaik (Best of The Best) dalam kalangan penerima anugerah APC 2016 akan menerima **Anugerah Khas JPM 2016**. Anugerah khas ini diberikan kepada warga JPM yang telah **menerima lebih daripada tiga kali Anugerah Khidmat Cemerlang** di sepanjang perkhidmatannya.
7. Saya berharap pengiktirafan dan penghargaan seumpama ini akan menjadi pendorong dan membangkitkan semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkualiti, seterusnya **menjadi role model dan mentor terbaik** kepada warga yang lain.

## **KESETIAAN KEPADA RAJA, NEGARA DAN KERAJAAN (SETIA)**

Saudara-saudari sekalian,

8. Pelbagai cabaran diharungi oleh negara kita dalam 2 hingga 3 tahun kebelakangan ini. Kejatuhan harga minyak mentah dunia, Brexit dan keadaan geopolitik dunia yang tidak menentu memberikan impak, secara langsung atau tidak langsung kepada negara kita.
9. Walaupun demikian, **Kerajaan berjaya mengharungi dan menempuhi kesemua cabaran-cabaran ini hasil tampuk kepimpinan negara yang berwawasan dan berwibawa.**
10. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah mencetuskan **Dasar Transformasi Nasional** bagi memangkinkan pencapaian negara ke arah sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Menurut Dato' Sri Idris Jala, Malaysia sepatutnya sudah mencapai taraf negara maju pada tahun 2015 berdasarkan kepada GNI USD12,745 yang ditetapkan Bank Dunia jika kadar tukaran wang asing adalah pada kadar RM3.50 ke 1 dolar Amerika Syarikat.

Saudara-saudari sekalian,

11. **Pencapaian negara pada hari ini, tidak akan terhasil tanpa dasar dan program jelas yang ditetapkan oleh kepimpinan negara.** Dasar dan program yang ditetapkan pula, **perlu dilaksanakan oleh sektor perkhidmatan awam.** Sebagai penjawat awam, **kita perlu menetapkan kesetiaan kita kepada Raja, Negara dan Kerajaan yang memerintah.**
12. Pada zaman media sosial ini, terdapat **pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan maklumat atau melemparkan tuduhan dan kritikan terhadap Kerajaan.** Yang mengecewakan, adalah penjawat awam turut tergolong dalam kumpulan ini. **Golongan ini percaya kepada 'fake news'.** Mereka **kurang 'social media literacy'**, yang dapat menilai kesahihan sesuatu yang dimuatkan dalam media sosial.

13. Saya ingin menyatakan disini bahawa negara kita **bukanlah satu 'failed state'** seperti yang dihebohkan pihak-pihak yang boleh dikatakan pengkhianat bangsa dan negara. Jika betul apa yang dikatakan, maka tidak mungkin para pelabur seperti **syarikat Aramco Saudi Arabia akan melabur sebanyak US7 bilion dolar** di projek RAPID di Pengerang, Johor. Dan baru-baru ini, delegasi Malaysia diketuai YAB Perdana Menteri telah berjaya menandatangani **9 Perjanjian Persefahaman dengan pihak kerajaan dan swasta negara China dengan jumlah nilai melebihi US7 bilion dolar.**

#### **Insentif Kerajaan Untuk Perkhidmatan Awam Negara**

14. Dalam konteks perkhidmatan awam kita pula, pada setiap tahun, **pihak Kerajaan berusaha menambahbaik skim perkhidmatan awam** daripada segi emolumen dan insentif perkhidmatan seperti **Cuti Belajar untuk Kumpulan Pelaksana, peluang kenaikan pangkat secara 'fast-track' dan 'time-based', kesetaraan gaji, pelantikan tetap pekerja kontrak, dan perumahan mampu milik khusus untuk penjawat awam.** Saya berani kata bahawa **tiada negara lain di dunia yang memberikan sebegitu banyak insentif atau kemudahan kepada perkhidmatan awam mereka.**

15. **Sebagai penjawat awam, kita semua tertakluk kepada prinsip setia kepada kerajaan yang memerintah.** Sekiranya terdapat perkara yang dirasakan perlu ditambahbaik, kita boleh mengutarakan pandangan kita kepada pihak yang berkenaan.

16. **Kempen Ekspresi Negaraku** yang kini giat berjalan bertujuan menyemarakkan semangat cintakan negara. **Para penjawat awam juga perlu mempunyai semangat demikian** dalam melaksanakan tugas kita dengan dedikasi tanpa membelakangkan kepentingan negara.

#### **MALAYSIA KE ARAH TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)**

Saudara-saudari sekalian,

17. YAB Perdana Menteri telah mencetuskan **gagasan TN50** bagi mencorakkan perjalanan negara selepas tahun 2020, dalam tempoh 30 tahun dengan mengambil kira ekspektasi, pandangan dan idea seluruh segmen masyarakat terutamanya generasi muda. Inisiatif ini akan dipacu oleh matlamat dan sasaran yang jelas dalam menjadikan **negara ini antara yang teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.**
18. Pada 30 Mei nanti, **YAB Perdana Menteri akan mengadakan sesi pertama TN50 Bersama Penjawat Awam di Kementerian Kewangan** untuk mendapatkan pandangan dan berinteraksi dengan para penjawat awam dalam membentuk sektor perkhidmatan awam negara kita menjelang tahun 2050. Sebagai penjawat awam perlu bersama-sama berpandangan jauh, tidak leka atau khusyuk dengan pencapaian masa kini.

#### **TAHUN PENYAMPAIAN (SEDIA BERKHIDMAT)**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Selain daripada setia kepada Kerajaan, penjawat awam juga perlu melaksanakan **core business** atau **amanah yang diberikan iaitu menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat** sejajar dengan konsep **Merakyatkan Perkhidmatan Awam**. YAB Perdana Menteri telah menyatakan bahawa tahun ini merupakan **tahun penyampaian oleh penjawat awam.**
20. Fokus kepada penyampaian ini bukan sahaja daripada aspek fizikal, tetapi ia juga meliputi **cara dan nilai penyampaian kepada rakyat.** Dalam Merakyatkan Perkhidmatan Awam, elemen **sentuhan kemanusiaan perlu diterapkan dalam kita menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.** Sebagai contoh, sekiranya kita bekerja di kaunter, apa salahnya sekiranya berusaha melayan pelanggan terakhir walaupun masa sudah melewati waktu bekerja.
21. Penjawat awam khususnya warga JPM, perlu lebih kerap **turun padang** dan amalkan kaedah **'search and serve'** iaitu dengan **menawarkan perkhidmatan** kita kepada rakyat.

22. Selain itu, saya juga menyarankan **ketua-ketua jabatan perlu melihat sendiri organisasinya** seperti di kaunter-kaunter perkhidmatan dan pejabat pegawai dan staf bilik stor dan sebagainya. Dengan demikian, ketua-ketua jabatan akan dapat mengenali lebih dekat anggota organisasi disamping mengetahui lebih lanjut mengenai cara mereka bekerja dan aspek kebajikan.

### **Berkhidmat Secara Integriti**

23. Dalam kita menyampaikan perkhidmatan, janganlah kita mengharapkan balasan. Kita perlu berintegriti. Pelbagai kempen telah dijalankan dan kes-kes tangkapan disiarkan. Marilah kita bersama-sama menjaga nama baik perkhidmatan awam kita.

### **YtI'**

#### **KEJAYAAN JPM PADA TAHUN 2016**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

24. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada **Jabatan Perdana Menteri meneruskan tradisi kecemerlangan sepanjang tahun 2016**. Antara kejayaan yang dicapai oleh JPM adalah:

- I. Pencapaian 5 bintang dalam Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam;
- II. Pencapaian 4 Bintang dalam Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan; dan
- III. Anugerah Pengurusan Aduan Cemerlang.

25. Selain daripada itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh penjawat awam khususnya seluruh warga JPM di atas kejayaan menjayakan **Persidangan Dwi Tahunan Commonwealth Association of Public Administration and Management (CAPAM) 2016 dan penganjuran International Conference on Blue Ocean Strategy 2016**.

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

26. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Perdana Menteri Tahun 2016. Tidak lupa juga kepada pihak urus setia majlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar.

27. Saya berharap agar budaya dan momentum kecemerlangan ini akan dapat diterus dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Dengan lafaz Bismillahirohmannirahim, saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPM bagi Tahun 2016.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**©2017 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office**

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2118>